



TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

TARIKH/MASA:

23 MAC 2024 (SABTU)

TEMPAT:

**MASJID AL-SULTAN ABDULLAH
KAMPUNG SUNGAI BEDAUN
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADDIMAH

saudara saudari sekalian,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di Al-Sultan Abdullah, Kampung Sungai Bedaun pada petang ini.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada pejabat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Negeri Selangor/ Wilayah Persekutuan yang telah menjadi hos utama majlis ini bersama-sama dengan Perbadanan Labuan.

3. Begitu juga kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Al-Sultan Abdullah serta anak-anak khariah yang sanggup memberikan ruang masjid ini untuk diguna bagi menjayakan Majlis Santunan Kasih Ramadan pada petang ini.

MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN 1445H

4. Ini merupakan siri jelajah Santunan Kasih Ramadan yang keenam saya hadiri. Sebelum ini saya berkesempatan bersama masyarakat luar bandar di Negeri Johor, Kelantan, Terengganu, Perak dan Pulau Pinang. Saya bersyukur kerana kesemua majlis yang dianjurkan ini telah mendapat sambutan yang cukup baik daripada warga setempat termasuk di Labuan ini.
5. Jika dilihat kepada sambutan dan kemeriahan majlis ini, ianya bukan sekadar untuk kita berkumpul dan menikmati juadah berbuka puasa semata-mata, jauh dari itu, penganjuran Majlis Santunan Kasih Ramadan ini merupakan satu pendekatan Kementerian bagi merapatkan hubungan pemimpin dan rakyat, serta menyantuni penduduk di perdesaan negara termasuk golongan masyarakat yang kurang bernasib baik.

6. Sebenarnya saya sangat tersentuh dengan kehadiran masyarakat berbilang bangsa yang akan berbuka puasa bersama-sama kita sebentar lagi. Inilah uniknya Labuan yang dapat membentuk keharmonian masyarakat tanpa membezakan kedudukan, bangsa dan agama. Jadi tidak hairanlah Labuan telah diiktiraf sebagai Wilayah Sangat Bahagia di Malaysia melalui Skor Indeks Kebahagiaan (MHI) tahun 2022.

7. Saya dimaklumkan, antara skor tertinggi yang diperolehi adalah komponen amalan kerohanian. Maka tidak hairanlah seperti di masjid ini juga, ia dipenuhi dengan pelbagai kegiatan ibadah termasuklah ramai jemaah yang hadir pada hari ini. Tahniah saya ucapkan kepada seluruh kepimpinan Masjid Al-Sultan Abdullah ini.

PERUNTUKKAN KKDW TAHUN 2024

Hadirin sekalian,

8. Labuan pada satu ketika dulu adalah sebuah wilayah kecil di Malaysia yang hebat dan terkenal sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa dan Pelabuhan Bebas Cukai selain menjadi tumpuan kepada pelbagai syarikat gas dan minyak untuk menjalankan operasi mereka di Labuan.

9. Kini, Labuan lebih dikenali sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan yang berpotensi menjadi platform bagi memperluaskan keupayaan Malaysia dalam bidang Kewangan Islam Digital.
10. Namun begitu, saya merasakan bahawa dalam kesibukkan kita mengejar kemajuan, kita tidak boleh menafikan wujudkan golongan yang perlu diberikan perhatian supaya mereka tidak terpinggir daripada arus kemajuan bandar.
11. Sebagai Menteri KKDW, saya dan Kementerian telah mengambil tanggungjawab tersebut dalam memastikan kebajikan golongan B40 mahupun yang memerlukan sentiasa terpelihara dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan daya saing masyarakat khususnya yang tinggal di kawasan perdesaan negara.
12. Pada tahun ini, KKDW telah diperuntukkan sebanyak RM11.55 bilion dengan pecahan RM4.12 bilion yang merupakan Peruntukan Mengurus dan RM7.44 bilion untuk Peruntukan Pembangunan. Peruntukan pada tahun ini adalah 4.7 peratus atau RM513.8 juta lebih tinggi berbanding peruntukan tahun 2023.

13. Pada tahun 2024, KKDW telah memperuntukkan sebanyak **RM3.64 juta kepada Wilayah Persekutuan Labuan** melalui pejabat KKDW Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan bagi tujuan **pembangunan infrastruktur** di bawah Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD), Program Ameniti Sosial (PAMS) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).
14. Melalui KEMAS, KKDW telah memperuntukkan **RM116,900.00 kepada Labuan untuk pembangunan komuniti** meliputi Program Hari Kebesaran Islam, Kampung Mandiri, Jom Masuk Kampung, Kem Eksplorasi Belia, Kembara Merdeka, Sahabat Komuniti Desa, Sukarelawan Prihatin, Projek Rakan Kebun, Pakej Latihan Keusahawanan, dan aktiviti promosi dan pemasaran.
15. KEMAS turut menyediakan peruntukkan sebanyak **RM123,500.00** di bawah **pendidikan kemahiran** meliputi Program Sijil Kemahiran Malaysia-Penilaian Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT), Quick Win, Program Promosi Kemahiran, Kursus Kemahiran Jangka Pendek dan perolehan peralatan pada tahun ini.
16. KKDW melalui MARA juga memainkan peranan dalam membangunkan potensi usahawan di Labuan terutamanya

bagi peniaga-peniaga kecil. Untuk ini, MARA telah menyediakan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM1.435 juta** untuk rakyat Labuan meliputi **RM1.37 juta** bagi pembiayaan perniagaan dan **RM65** ribu bagi pembangunan usahawan.

17. Selain itu, GiatMARA juga telah mengenalpasti seramai 37 orang penerima program peningkatan pendapatan merangkumi bidang perikanan, penyediaan makanan dan perkhidmatan jahitan pakaian dengan nilai peruntukan secara keseluruhan berjumlah **RM300,000.00**.

18. Saya berharap, melalui peruntukan yang telah disediakan ini dapat membantu Labuan untuk terus berdaya saing dan meningkatkan sisio-ekonomi dan kesejahteraan masyarakat Labuan keseluruhannya.

PEMERKASAAN MODAL INSAN MELALUI TVET

19. Saya juga ingin menyatakan bahawa pada masa kini, pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi

ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi.

20. Salah satu bidang yang mendokong dasar utama negara adalah dengan mentransformasi TVET agar dapat memenuhi permintaan industri. Seperti yang saya maklumkan tadi, Labuan mempunyai pelbagai syarikat gas dan minyak yang memerlukan tenaga kerja mahir, pastinya saya mahu syarikat-syarikat ini menggajikan lebih ramai anak-anak muda Labuan untuk berkhidmat dengan mereka.
21. Dari sudut kepakaran atau kompetensi anak-anak muda ini dalam bidang minyak dan gas, **kita akan mengurangkan ketidakpadanan kemahiran melalui GiatMARA dengan memperkukuh kurikulum TVET dalam bidang minyak dan gas.** Usaha ini sekaligus dapat melatih seramai mungkin anak-anak muda tempatan untuk menjadi tenaga kerja mahir dan menambah baik kecekapan pasaran buruh.
22. Saya sedar, usaha ini tidak mampu dilakukan oleh saya seorang diri, khususnya untuk memperkasakan GiatMARA di Labuan ini. Saya minta YBhg. Datuk Mohd Rafi bin Datuk Ali Hassan sebagai Pengerusi Penasihat GiatMARA Labuan untuk membantu saya untuk memastikan GiatMara terus melakar kejayaan.

23. Saya percaya jika kesepaduan dan kerjasama di antara pelbagai pihak di Labuan ini, GiatMARA Labuan akan menjadi sebuah institusi yang berprestij dan mampu melahirkan anak-anak muda Labuan yang berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang.

BANTUAN DAN SUMBANGAN

Hadirin sekalian,

24. Kehadiran saya dan seluruh pasukan KKDW ke majlis ini bukan sekadar untuk kita berkumpul dan menikmati juadah berbuka puasa semata-mata, tetapi juga ianya sebahagian daripada usaha untuk menyantuni rakyat di Labuan ini. Tambahan lagi, jarang juga kami sampai di bumi Labuan ini.

25. Peruntukan sebanyak RM80,000 telah disediakan untuk diagihkan kepada 400 orang pelajar tahfiz dan asnaf fakir dan miskin di mana setiap seorang akan menerima RM200 untuk memenuhi keperluan masing-masing.

26. Selain itu, Yayasan Pelajaran MARA turut bersama-sama mebantu dengan menyediakan sumbangan 'back to school' wang tunai RM100 seorang kepada 70 orang pelajar sekolah rendah dan menengah. Yayasan Pelajaran MARA

juga turut menyediakan sumbangan Pendidikan Tertiar bagi Program Matrikulasi berjumlah RM12,000 untuk memenuhi keperluan pembelajaran dan kemudahan kepada para pelajar.

27. Saya berharap, sumbangan yang akan diberikan ini sedikit sebanyak dapat membantu komuniti masyarakat dan para penerima dalam menikmati keceriaan menyambut Ramadan dan mengurangkan beban kewangan yang dihadapi penerima.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

28. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih di atas sambutan rakyat Labuan yang luar biasa pada petang ini. Saya berharap majlis ini dapat mengerat dan memantapkan hubungan sesama kita dengan penuh keikhlasan tanpa mengira latar belakang.

29. Tahniah juga diucapkan kepada Pejabat KKDW Selangor dan Wilayah Persekutuan serta semua pihak yang

bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Santunan Kasih Ramadan 1445 Hijrah Peringkat KKDW di Labuan hari ini.

30. Semoga kita semua dikurniakan kesihatan yang baik dan kelapangan masa untuk menjalani ibadah puasa, mendirikan solat Sunat Tarawih dan memperbanyak amalan ibadah demi meraih rahmat dan keredhaan Allah S.W.T.

Sekian,

Wabilahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.